

## MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA MEMPUNYAI KETERAMPILAN YANG BAIK, BAKAT KEPIMPINAN DAN BERUPAYA MEMACU KEBERHASILAN UNTUK MENYERTAI LHDNM

<http://www.hasil.gov.my>

### JAWATAN

#### Penolong Eksekutif Hasil (Penaksiran) Kontrak (44 Kekosongan)

### KELAYAKAN MEMOHON

- Memiliki Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- Memiliki kelayakan tertinggi sehingga Ijazah Sarjana Muda sahaja **DAN** mempunyai Diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dibenarkan untuk memohon jawatan ini menggunakan kelayakan Diploma; dan
- Memiliki Purata Nilai Gred Terkumpul (CGPA) sekurang-kurangnya 2.70 dan ke atas bagi Diploma berkenaan.

### CARA MEMOHON

- Permohonan tidak perlu dicetak / dipos ke LHDNM.
- Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL: <https://career.hasil.gov.my/>

### KELAYAKAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN

- Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- **Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan), Bahasa Inggeris dan Matematik** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### BIDANG & SKOP KERJA

- ✓ Menjalankan kempen panggilan keluar (*outbound*) kepada senarai pembayar cukai (syarikat dan selain syarikat) yang mempunyai tunggakan akaun cukai, ansuran cukai, ansuran guaman sivil, sekatan perjalanan dan lain-lain yang berkaitan.
- ✓ Membuat panggilan keluar (*outbound*) kepada senarai pembayar cukai (syarikat dan selain syarikat) untuk berunding serta memberi khidmat nasihat secara

profesional dan berkesan bagi memastikan akaun cukai yang teratur dan jadual ansuran cukai dipatuhi.

- ✓ Membuat panggilan keluar (*outbound*) bagi tujuan pemantauan ke atas panggilan yang telah berjaya dilakukan terutama bagi pembayar cukai yang telah bersetuju membuat bayaran.
- ✓ Menerima panggilan masuk (*inbound*) dalam tempoh dua (2) deringan melalui talian umum *Hasil Recovery Call Centre* (HRCC) 1-800-88-4726 dan talian khusus *Returned Call* yang berkaitan dengan isu Pungutan, Sekatan Perjalanan, Kempen Panggilan Keluar dan Kempen *Emel Blast* yang dijalankan.
- ✓ Mematuhi sistem dan jadual kerja mengikut Sistem *IEX Workforce Management System* (WFM) dan sistem-sistem dalaman lain yang digunakan.

### TARAF JAWATAN, GAJI PERMULAAN & PENEMPATAN

Taraf Jawatan : Kontrak Bergaji Bulanan  
Gaji pokok : RM 2,484.00  
Penempatan : Hasil Recovery Call Centre Bangi

### TEMPOH IKLAN

TARIKH BUKA : 28 JANUARI 2019  
TARIKH TUTUP : 4 FEBRUARI 2019

### MAKLUMAT TEMU DUGA

Nama calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga akan **dimaklumkan** oleh Bahagian Pengurusan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Insan melalui email. Keputusan adalah **muktamad**.

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh 45 hari daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.

Sekiranya memerlukan penjelasan lanjut, sila emelkan pertanyaan ke alamat: [kerjaya@hasil.gov.my](mailto:kerjaya@hasil.gov.my)